

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 06 TAHUN 2008

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 ()
Tarikh : Disember 2008

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
57000 KUALA LUMPUR

Y. Bhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA PADA SETIAP HARI KHAMIS

Dengan hormatnya sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 10 /2008 bertarikh 18 Jun 2008 telah bersetuju menerima pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 – Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis.

3. Sehubungan itu, Y. Bhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan **dikehendaki memakai batik Malaysia pada setiap hari Khamis**. Pemakaian fesyen batik Malaysia alternative staf lelaki seperti yang ditetapkan di perenggan 4, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006.

4. Pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini **tidak terpakai** kepada staf yang dibekalkan dengan pakaian seragam, staf yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau staf yang menghadiri majlis yang menetapkan pakaian yang lain.

5. Diharapkan Y. Bhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan mengambil perhatian berhubung dengan perkara ini. Segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“KEWAJIPAN MARUAH INTEGRITI”

Yang benar,

MAZULA BT SABUDIN

Pendaftar

s.k : Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (HEAA)
Timbalan Naib Canselor (HEPA)